

**Article Info:**

Received Date: 4 October 2018

Accepted Date: 18 October 2018

Corresponding Author:

[wannurulhasyyati@yahoo.com](mailto:wannurulhasyyati@yahoo.com)

## **Catan Batik Fatimah Chik Sebagai Satu Representasi Apresiasi Budaya Nusantara**

*Batik Painting of Fatimah Chik as a Representation in Appreciation  
of The Nusantara Culture*

**Wan Nurul Hasyyati Mohd Pauzi, Tajul Shuhaimi Said**

Fakulti Seni, Komputeran, dan Industri Kreatif,

Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak

[wannurulhasyyati@yahoo.com](mailto:wannurulhasyyati@yahoo.com)

### **Abstrak**

Catan batik mula dihargai, dipelihara dan diangkat dalam nilai-nilai sosiobudaya warisan sejarah dengan trend semasa seni lukis moden di Malaysia pada masa kini. Kehalusan dan keunikan seninya dari segi aspek formalistik dan praktikal menjadikannya membentuk identiti yang tersendiri. Keunikan dan keistimewaan yang terdapat dalam setiap karya catan batik Fatimah Chik dapat dianalisis melalui teknik, motif, kaedah dan gaya yang dipraktikkan. Elemen-elemen perlambangan budaya daripada suku kaum di Rantau Asean diangkat menjadi identifikasi yang dominan dalam catan batiknya. Keunikan catan batik Fatimah Chik juga menggabungkan kaedah tradisi dan moden dengan mengaplikasikan teknik ikat celup daripada daripada suku kaum di Rantau Asean dan Nusantara dalam setiap karya beliau. Karya –karya catan batik Fatimah Chik yang telah bermula dari tahun 1980-an hingga kini adalah merupakan satu representasi apresiasi budaya masyarakat Nusantara yang kaya dengan nilai adab dan nilai-nilai timur yang tersendiri.

**Kata kunci:** catan batik, budaya, representasi, apresiasi, sosiobudaya, formalistik, praktikal

### **Abstract**

*Batik paintings has been appreciated, preserved and raised into socio-cultural heritage values in line with current trends in modern art in Malaysia today. The fineness and uniqueness of his art in terms of formalistic and practical aspects make it a distinct identity. The uniqueness and privileges of each batik work of Fatimah Chik can be analysed through techniques, motives, methods and styles practiced. The elements of cultural representation of the tribes in the Asian regions were raised to be the dominant identification in his batik paintings. The uniqueness of the batik of Fatimah Chik also combines the traditional and modern methods by applying a tie and dye technique from tribes in the Asian in each of his works. Fatimah Chik's batik painting works that have begun from the 1980s until now are a representation of cultural appreciation of the archipelago community rich in manners values and distinctive eastern values.*

**Keywords:** batik painting, culture, representation, appreciation, socio-cultural, formalistic, practical

### **PENGENALAN**

Batik merupakan kesenian yang tinggi nilainya dan menjadi simbolik budaya dalam mengetengahkan identiti nasionalisme negara. Nilai keseniannya yang menjadi akar kepada kebudayaan masyarakat. Lantaran itu, seni batik mula dijadikan sebagai medium representasi idea dalam arus perkembangan seni lukis moden di Malaysia melalui eksperimentasi terhadap fungsi,

alatan, bahan dan kaedah. Ekplorasi seni batik telah dieksploitaskan sebagai satu wadah bagi mengungkap nilai budaya dan identiti masyarakat terutamanya di Malaysia. Elemen-elemen perlambangan seni batik tradisional mula diekspresi intipatinya menerusi seni lukis moden dengan menggabungkan pelbagai aspek sosiobudaya yang telah identifikasi kedalam penghasilannya. Idea daripada penggabungan aliran tradisi menerusi teknik-teknik lukisan barat telah mencipta suatu gaya seni lukis yang baru yang dikenali sebagai lukisan batik atau catan batik.

Kewujudan dan keberadaan Catan Batik dalam susurgalur Seni Moden di Malaysia turut dicatatkan oleh D'zul Haimi Md. Zain (1984) dalam penulisannya, Batik dalam Seni Lukis Moden Malaysia yang memetik kata-kata T. K. Sabapathy iaitu apresiasi dan perbincangan mengenai "Lukisan batik" mengambil konsep dan istilahnya daripada bidang lukisan. Sebagai contoh, karya seni dihasilkan, dibingkai dan digantung untuk ditatap seperti sebuah lukisan. Tema, motif dan teknik karya dihasilkan itu adalah tertakluk pada bentuk serta gaya lukisan. Teknik batik tradisional diubahsuai dengan matlamat untuk mematuhi prinsip-prinsip lukisan. Justeru, Fatimah Chik dan lukisan batik mula dikenali keunikannya melalui dalam dunia catan batik yang masih menggunakan kaedah dan teknik tradisi melalui gabungan teknik shibori dari Jepun dan teknik tekapan blok batik Melayu.

Fatimah Chik merupakan anak kelahiran Pontian, Johor. Beliau mendapat Pendidikan dalam Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Tekstil di Universiti Teknologi Mara, Shah Alam. Minat beliau terhadap seni, alam semula jadi dan warisan budaya adalah lahir daripada pengaruh latar belakang gabungan keluarga Melayu dan Jawa yang telah sebatи dalam jiwa beliau sejak kecil lagi. Karya-karya catan batik Fatimah Chik masih mengekalkan kaedah tradisional seperti cop dan teknik tekapan blok daripada besi, tembaga dan kepingan kayu sebagai satu kaedah yang unik dan tersendiri. Malah, representasi apresiasi budaya Nusantara dalam setiap karya catan batik beliau dilakar dan divisualkan secara semulajadi hasil pengalaman dan penghayatan beliau sejak kecil lagi yang dipindahkan daripada datuk beliau sebagai seorang tukang kayu dan ibu beliau yang merupakan seorang tukang jahit pakaian.

### **Keunikan Catan Batik Fatimah Chik**

Kesenian batik yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu adalah melambangkan budaya dan identiti masyarakat Melayu. Kenyataan ini turut disokong oleh Hanipah Hussin (2011) yang menyatakan seni batik merupakan akar budaya yang membentuk identiti bangsa Malaysia. Keunikan seni batik dalam aliran seni lukis moden dapat dilihat dipengaruhi oleh kreativiti pelukis itu sendiri. Hal ini demikian, dapat dilihat bagaimana Fatimah Chik cuba menonjolkan kelainan disamping mengekalkan seni wariasan tradisi dalam setiap karya catan batik beliau dengan memberi nafas baru dalam menvariasikan teknik, kaedah, bahan dan gaya selari dengan falsafah aliran seni lukis moden abstrak di Malaysia. Kesan daripada bereksperimentasi dalam menggunakan bahan dan teknik telah menghasilkan keharmonian warna-warna alam dan memberi kesegaran pada karya-karya catan batik beliau.

Minat beliau terhadap seni tekstil tradisional membawakan Fatimah Chik untuk mendalami lebih mengenai sejarah budaya dan etnik yang ada di Asia Tengggara sehingga memberi idea kepada beliau dalam berkarya. Malah beliau cuba asimilasikan kaedah dan teknik tradisional dengan mengaplikasikannya dalam konteks seni moden. Selain itu, kelainan dalam karya Fatimah Chik ialah penerapan terhadap identiti motif-motif kaum asli Asia Tengggara ke atas kesemua karya beliau. Antara motif-motif yang mempengaruhi kesemua karya-karya beliau adalah daripada kaum rantau Asia Tengggara seperti kaum asli Dayak, Toradja, Batak, Melayu daripada Kepulauan Sumba dan Sulawesi, Indonesia.

Keunikan dalam setiap karya catan batik Fatimah Chik ialah beliau lebih terarah atau dipengaruhi oleh kaedah dan teknik batik lukisan tradisional atau canting serta tekapan blok dan shiboritik. Fatimah Chik merupakan artis wanita yang masih lagi mengekalkan kaedah tradisional dalam seni catan batiknya. Gaya persembahan yang ditonjolkan dalam karya beliau lebih terarah

kepada reka corak abstrak dan seni kontemporari pada lembaran kain belacu beliau. Hal ini, turut disokong melalui pernyataan Professor David Williams (2012), iaitu:

*Her approach embrace the use of traditional printing blocks which include her specially designed cultural motifs. Although her batik paintings and batik collages can be interpreted as printed textiles, it is her involvement with the more traditional processes that makes her work unique. The authority of her textiles is derived from a delicate balance between pure abstraction and traditional symbol colours and geometric shapes and border designs.*

Kenyataan ini, dapat dilihat kepada keunikan karya yang dihasilkan oleh beliau melalui setiap percaturan warna-warna yang terhasil dan diinterpretasikan secara abstrak bersama dengan susunan corak dan motif yang menggambarkan pencantuman budaya Asia yang universal. Seni catan batik yang dihasilkan oleh beliau dianggap sebagai trend semasa yang membawa kepada asimilasi seni batik berdasarkan kepada penggunaan motif dan kaedah tradisional melalui reka corak kontemporari. Hal ini demikian kerana penggunaan motif seperti geometri, figura, fauna dan flora dalam setiap karya beliau yang meliputi unsur-unsur budaya serantau Asia. Namun, gabungan motif-motif yang diaplikasikan bagi menghasilkan rekaan sempadan (border) dalam setiap karya catan batik beliau adalah merupakan pemisah antara bagi setiap keunikan penceritaannya. Sebagai contoh, yang dipetik dalam penulisan Leong Tuck Yee dalam majalah *Cosmic- Art Column* (Okttober 2001):

*Her motifs are mostly derived from Mother Nature: the sky (where the gods reside), the mountain (where man and animals live) and the watery realm (home of the nagas).*

Justeru, turut diperkuuhkan lagi melalui kematangan dalam membentuk idea ke atas kain kanvas atau belacu, Fatimah Chik telah menghasilkan karya catan batik yang mempunyai nilai-nilai estetika yang tinggi dengan mengaplikasikan konsep “Asean” atau Nusantara untuk setiap hasil catan batik beliau.

## **REPRESENTASI APRESASI BUDAYA NUSANTARA DALAM KARYA-KARYA CATAN BATIK FATIMAH CHIK**

### **Rentak Nusantara, (1981)**

Siri Nusantara merupakan siri di awal penglibatan beliau dalam berkarya. Antara keunikan dalam karya siri Nusantara ini adalah, Fatimah Chik mengetengahkan penceritaan catan batik beliau dalam bentuk *scroll*. Malahan, warna-warna dalam siri Nusantara ini lebih kepada warna alam yang menggambarkan keharmonian alam semula jadi dengan kehidupan. Hal ini demikian kerana, diperkuuhkan lagi bagi menjelaskan kenyataan tersebut dengan memetik daripada penulisan dalam artikel *Art Malaysia: Contemporary Art/ Culture/ Travel: Issue 15 (October – November 2011)*, iaitu:

*In her many series, Nusantara holds particular significance to Fatimah in its gunungan, or mountain motifs “You can see mountain, sky and sea within the layers of triangles,” After Nusantara Fatimah inverted the triangles to become valleys, “if you have mountains, you have the ground and that is the Courtyard series.” By employing the motif of Nusantara sarong such as plants, humans and abstract.*

Unsur alam semula jadi wujud dalam kesenian catan batik Fatimah Cik dengan mengubah elemen bentuk, sifat dan identiti bagi menyatakan kewujudan spiritual dalam keunikan alam dan masyarakat yang dihibridkan daripada gabungan kedua-dua konsep ini. Kekuatan alam semula jadi bukan sekadar berasaskan subjektif, iaitu menilai secara pandangan kasar tetapi keharmonian berkonseptan alam telah mewujudkan kekuatan dan keunikan dalam karya beliau, seperti karya ini:



**Rajah 1** Rentak Nusantara (1981), Batik, Saiz: 207 cm x 72 cm  
(sumber: Katalog *Love Me in My Batik*)

Tambahan pula, pada awal penghasilan beliau dalam catan batik beliau banyak menggambarkan karya berkonseptkan *scroll* dalam menggayakannya. Kenyataan tersebut diperkuuhkan lagi daripada petikan Leong Tuck Yee dalam majalah *Cosmic- Art Column* (Okttober 2001):

*Preferring the traditional block method of stamping her abstract designs on scrolls of cloth, she has set herself aside from the other artist who have taken up the batik art. It is by successfully blending the old and modern technique that she has shown her uniqueness as an artist, created a breakthrough in this art form.*

Rupa sering dikaitkan dengan karya seni catan batik Fatimah Chik sama ada dalam bentuk organik ataupun geometri. Rupa geometri seperti empat segi, pulat, bintang, tiga segi dan sebagainya ini sering menjadi pilihan sebagai motif pelengkap bagi meginterpretasikan motif kepada reka corak abstrak. Rupa merupakan asas dalam pembentukan motif pada karya seni yang meliputi bentuk yang garisan, flora, fauna, kosmos, rupa bentuk manusia, bulat, bersudut, segi empat, segi tiga, dan sebagainya yang diolah menjadi simbol dan gaya ragam hias dalam bentuk dua dimensi. Menurut, Leong Tuck Yee (2012) dalam *The Batik of Fatimah Chik* yang menjelaskan, iaitu:

*She produced abstract organic designs but she did not become directly involved with the actual technical aspect of batik production.*

Motif pucuk rebung merupakan motif yang dimudahkan mengikut kreativiti pereka tersebut dalam menginterpretasikan kepada rupa yang lebih mudah dan ringkas. Pada karya tersebut beliau tidak menggunakan sepenuhnya bahagian motif pucuk rebung tersebut, malah olahan yang digayakan


hanya menggunakan sebahagian motif pucuk rebung sahaja yang diambil daripada blok tembaga. Susunan motif tersebut digayakan secara berpancara atau di gabungkan menjadi bentuk bintang.

Selain itu juga penggunaan motif rupa bentuk manusia yang digunakan dalam karya beliau seperti wayang kulit, motif manusia, dan *the horseman* menunjukkan identiti Nusantara, hal ini demikian kerana, ragam hias yang digunakan dalam karya tersebut dipinjam daripada motif-motif daripada kaum asli Batak dan Toradja dari kepulauan Indonesia. Reka motif tersebut menjadi satu sumber inspirasi untuk berkarya dengan menggunakan keunikan yang ada daripada blok batik tersebut bagi menghasilkan rekacorak catan batik rentak Nusantara ini. Malahan, representasi apresasi budaya masyarakat tersebut juga diinspirasikan melalui adaptasi reka letak motif-motif pada blok yang menggambarkan nilai-nilai kreativiti kebudayaan kaum masyarakat asli tersebut secara luaran dan dalaman. Dalam buku *Malaysian Batik Creating New Traditions*, Sarah Arney (1987) yang menjelaskan:

*The character of stamped wax is also an important aspect of Fatimah's batik. The fluidity of the wax line adds complexity to the pattern; each stamped image is slightly different from the others, while retaining its specific identity.*

Setiap rekaan motif diolah bukan untuk tujuan hiasan pada satu kain putih tetapi motif-motif yang terbentuk mempunyai nilai simbolik dan makna bagi mewakili atau melambangkan ciri-ciri setiap satu. Reka corak motif yang diulang untuk mengisi ruangan pada kain bagi mewujudkan nilai keindahan dalam karya beliau.

### Mandalara No.5, (1993)



**Rajah 2** *Mandalara No.5* (1993), Batik, Saiz: 102 cm x 102 cm

Koleksi: Mitsubishi, Tokyo

(sumber: Katalog *The Batik Art of Fatimah Chik*)

Manakala, sekitar tahun 1990-an beliau mula menterjemahkan konsep Mandala menerusi karya catan batik yang dihasilkan pada tahun 1993 yang bertajuk *Mandalara No.5*. Menurut Susanne F. Fincher (2000), :

*The word Mandala, from Sanskrit, the ancient language of India, translates as "sacred circle". In Tibetan the term for mandala is kyil-kor, which means, "center and circumference".*

Mandala bukan sahaja dikaitkan dengan bulatan malah ia juga sinonim dengan perkataan ‘chakravala’ yang bermaksud alam semesta atau cakera kosmik. Ia turut dikaitkan dengan kesenian dan kebudayaan Buddha, Tibet dan Hindu. Konsep ini menjadi kepercayaan masyarakat purba dahulu yang dikaitkan dengan bumi dan tenaga alam semula jadi. Di samping itu, seni mandala turut dikenali sebagai terapi emosi berdasarkan penggunaan warna dan bentuk-bentuk bulatan yang sering kali dikaitkan dengan lingkaran kosmos berpusatkan alam semesta. Menurut, Ping Long (2012):

*Apart from traditional motifs, Timah is also inspired by Tibetan meditative concept of Mandala. In Tibetan Buddhism, a Mandala is an imaginary palace contemplate during meditation and is often illustrated with fur gate facing the four corner of the earth.*

Berdasarkan, kenyataan yang dijelaskan dapat dilihat konsep mandala menjadi elemen atau tema dalam karya Fatimah Chik. Reka corak seni mandala secara dasarnya mempunyai 1 titik pusat yang menjadi tanda pada susunan simbol atau motif geometri dan organik. Konsep ini turut dikaitkan dengan aspek formalistik sosiobudaya masyarakat Asian melalui reka corak yang dibentuk dalam mengekspresikan diri (karya). Konsep ini turut dikaitkan dengan semangat alam dan kehidupan. Sebagai contohnya, konsep ini ditejmahkan dalam karya seni yang diinspirasikan berlandaskan kehidupan dan budaya dalam sesebuah masyarakat. Malahan, bagi umat Islam semua aturan kehidupan berlandaskan al- Quran dan Hadis, ia berputar dalam lingkaran konsep perlakuan sehari-hari yang dikaitkan dengan berkat dan redha daripada-Nya.

### ***Chinoserie, (2000)***



**Rajah 3** *Chinoserie* (2000), Batik kolaj, Saiz: 33 cm x 52 cm  
(sumber: Koleksi Peribadi Fatimah Chik)

Menurut, Leong Tuck Yee (2012):

*Over the years, she has painstakingly researched into various traditional and tribal symbolic motifs of the South-East Asian region, such as of the Dayak, the Batak, the Sumbanese, the Minangkabau, the Toradja and the Malay. As a result, the unique colors, shapes and symbols she employs in her art are directly derived from the philosophical and iconographical influences which are pertinent to this region.*

Pemilihan warna-warna tersebut turut memperlihatkan nilai seni yang unik dari segi makna konteks imej yang ditekapkan. Hal ini kerana, kombinasi warna yang terhasil berdasarkan daripada penerokaan motif dan simbol nusantara melalui pendekatan teknik membatik dengan mengaplikasikan pendekatan tradisi orang Melayu terhadap proses penghasilan karya seninya.

Malah, hasil warna kontra yang diperolehi dapat dilihat dalam setiap karya beliau yang telah melalui proses pemantauan warna daripada lapisan demi lapisan warna. Justeru, nilai warna yang digunakan daripada pelbagai sumber tersebut turut memainkan peranan dan mempengaruhi ekspresi yang unik kepada masyarakat dalam menilai karya beliau. Seperti yang dijelaskan oleh Faimah Chik dalam temubual majalah *Art Malaysia*:

*“When you collage, you think of it beyond just a flat surface.”*

Teknik kolaj memainkan peranan penting dalam memberi impak pada catan batik Fatimah Chik. Pada mulanya, hanya suatu cubaan untuk menampal bahagian tertentu dalam seni catan beliau tetapi apabila terhasil karya, keunikan yang terhasil daripada tumpalan perca-perca kain melangkaui imaginasi visual yang di bayangkan oleh beliau. Demikian itu, wujud beberapa perubahan dalam karya beliau yang memberi nafas baru hasil daripada eksperimennya yang dilakukan

#### **Kemakmuran, (2001)**



**Rajah 4** Kemakmuran (2001), Batik: Sutera Kapas, Saiz: 116 x 72 cm

(Sumber: Katalog Siri Sejadah)

Keunikan kaedah shibori ini adalah tidak menggunakan lilin panas bagi mendapatkan kesan putih kain. Namun, kreativiti dalam lipatan, jahitan, lilitan dan ikatan yang dilakukan akan melindungi bahagian tersebut daripada terkena warna sepenuhnya pada kain semasa proses pencelupan dijalankan. Proses penghasilan satu karya batik shibori memerlukan ketelitian dan keteraturan dalam setiap lipatan dan ikatan yang dilakukan, justeru kaedah ini akan memakan masa beberapa hari bagi mendapat kesan pewarnaan melalui pengeringan kerana ia bergantung kepada corak yang ingin diperolehi. Menurut Fatimah Chik dalam Syalikha Sazili, Berita Harian 14 Disember 2015, ‘*Karya Fabrik Unik Shiboritk*’:

“Shibori ini juga dikenali dengan teknik lipatan. Justeru, untuk menghasilkannya, seseorang perlu merancang terlebih dulu rekaan sebelum kain terbabit dilipat. Bagi mendapatkan garsan yang jelas pada kain, pelbagai alatan digunakan seperti penyepit, papan lapis, klip serta seterika untuk kesan yang lebih jelas. Menurut, beliau juga kain yang sesuai untuk shiboritk ini

adalah kain kapas, supaya warna mudah diserap serta kekal pada kain. Kebiasaannya, saya menggunakan kain kapas India. Ia mempunyai diameter yang lebih besar dan lebih mudah untuk merancang corak serta cop batik pada kain tersebut.”

Petikan daripada Kosmo Online (24 Nov 2015), yang bertajuk Nafas Baru Karya Batik, yang menjelaskan catan batik sering kelihatan sama pada setiap corak tetapi dengan menggunakan teknik shiboritik tersebut gabungan dua elemen (ikat celup dan cop batik dalam cantingan) berkenaan telah memberi sentuhan baharu. Malah, pemilihan warna yang dipilih Fatimah Chik juga menepati cita rasa penggemar fesyen pada masa kini iaitu dengan membawakan kepada warna-warna terang dan ceria seperti ungu, hijau, kuning serta merah jambu. Menurut, Azman Ismail (2007) dalam arkib Utusan Online menulis mengenai, Fatimah Chik pula meneroka persoalan-persoalan spiritual dan keislaman menenerusi simbol-simbol pada kanvas menggunakan motif-motif batik. Di situ sebuah wacana vertikal dan horizontal diketengahkan. Berbeza dengan karya-karya abstrak dan dekoratif Fatimah dan Maslin, lukisan batik oleh Ismail Mat Hussin sama sekali berlainan. Ia merupakan satu kenyataan *realisme* tetapi menggunakan teknik pembuatan batik. Selain itu, teknik ikat celup dari Jepun yang dikenali sebagai shibori atau shiboritik yang di bawa oleh Fatimah Chik dalam berkarya memberikan kelainan dalam pengolahan reka corak abstrak dalam kreativiti mewarna.

Seni shibori yang sendirinya lebih menerapkan metode *resist dyeing* atau lebih dikenali sebagai ikat celup. Kaedah ikat dan celup yang digunakan ini adalah untuk mencegah bahagian-bahagian tertentu agar tidak menyerap warna. Malahan dapat dilihat terdapat dua teknik shibori yang digunakan dalam karya ini iaitu teknik *itajime shibori* pula melalui proses penglipatan kain dan di penjuru sisi setiap lipatan kan dikepit dengan penyepit kain ianya bertujuan bagi bahagian tersebut diserap warna. Manakala, teknik kedua ialah teknik *kanako shibori* bagi memperolehi teknik garisan warna yang teratur. Menurut, Aznim Ruhana Md Yusup *The New Straits Times* (27 Julai 2016):

*“There are many things to consider before we start making shibori. First, we must know how to fold. We have to calculate and estimate where and how we want the pattern to look like before we dip it in the dye,” says Fatimah. But more importantly is the batik motif that will be stamped onto the shibori fabric. This block design(s) will have to be new and unique, and imbued with the things that are distinct to the island”*

**Kebaya Series- Purple, (2001)**



**Rajah 5** Kebaya Series- Purple (2001), Batik: Mixed Media Batik Kolaj, Saiz: 117 cm x 67 cm  
(sumber: Katalog Siri Sejada)

Dalam penulisan jurnal oleh Safrizal Shahir (2004) menjelaskan alam itu dilihat sebagai satu kesatuan yang mempunyai stimulasi tampak yang disatukan melalui cahaya yang bersifat sentiasa hadir pada sesuatu objek itu. Hasilnya adalah sebuah karya yang secara lebih dekat meniru pengalaman aktual pencahayaan sesuatu objek yang diberikan warna- kesannya lahirlah sebuah fahaman yang dapat mempersepsikan bentuk dalam ruang (*form in space*). Malah, dapat dilihat kreativiti Fatimah Chik memilih konsep kebaya untuk diinspirasikan ke dalam bentuk catan batik beliau. Kebaya ialah salah satu pakaian yang dipakai oleh kaum hawa tidak kira tua atau muda, kebaya merupakan pakaian yang dipakai sejak zaman kesultanan Melayu Melaka lagi. Hal ini, dapat dilihat konsep kebaya yang dihasilkan oleh beliau ini menerapkan kreativiti teknik lapisan motif tradisi membentuk bahagian hadapan susuk baju kebaya melalui penggunaan warna keungguan dan kesan lilin panas dalam menghasilkan ruang pada karya tersebut.

### Kaduk Ungguan Hati, (2004)



**Rajah 6** Kaduk Ungguan Hati (2004), Batik, Saiz: 137.5 cm x 122.5 cm

(Sumber: Buku Seni Halus Fabrik, Galeri dan Muzium Bank Negara)

Seperti yang dijelaskan oleh Fatimah Chik dalam katalog pameran Seni Halus Fabrik (2014) yang dianjurkan oleh Galeri dan Muzium Bank Negara Malaysia; “Siri Kaduk menggambarkan hubungan antara alam semula jadi dan jiwa.” Hubungan antara gabungan elemen alam seperti ini memainkan peranan sebagai pusat spiritual yang membawa kepada unsur-unsur semangat dalam pelbagai etnik masyarakat yang digabungkan dalam dan diilhamkan dalam karya beliau.

Penggunaan teknik sapuan berus dan lilin panas pada kain sutera menampakkan kelainan dalam pengayaan Fatimah Chik berkarya dari kebiasaannya yang menggunakan blok tembaga. Teknik sapuan berus yang berulang dan teknik shibori yang memerlukan teknik kiraan matematik bagi memperolehi kesan warna hasil daripada lipatan. Lantaran itu, gabungan kedua teknik ini telah menghasilkan kesan yang spontan daripada lapisan demi lapisan warna yang mengikut sukaan tertentu. Hal ini, diperkuuhkan lagi oleh kenyataan daripada Keller & Lia (1967):

*In batik we achieve a greater harmony of colour than in a painting...*

Jelaslah dapat dilihat melalui kombinasi warna harmoni dan kontra yang digunakan dalam karya-karya Fatimah Chik. Namun, teknik yang digunakan dalam setiap karya beliau kesemuanya mewujudkan nilai estetika yang unik berdasarkan tindanan motif garisan, rupa dan warna antara satu sama lain.

## KESIMPULAN

Karya-karya catan batik Fatimah Chik yang telah di sorot bermula dari tahun 1980-an hingga kini adalah merupakan satu representasi apresiasi budaya masyarakat Nusantara yang kaya dengan nilai adab dan nilai-nilai timur yang tersendiri. Catan-catan batik Fatimah Chik juga telah mengangkat dan menvisualkan nilai-nilai sosiobudaya warisan Nusantara sejarah dengan trend semasa seni lukis moden di Malaysia dan di Asian dengan kehalusan dan keunikian seninya yang mengekspresikan aspek formalistik dan praktis teknik tradisi sebagai satu identiti yang tersendiri. Elemen-elemen perlambangan budaya daripada suku kaum di Rantau Asean telah diangkat menjadi identifikasi yang dominan dalam catan batiknya. Karya-karya catan batik Fatimah Chik juga merupakan satu santapan minda visual yang sarat dengan nilai estetik untuk tatapan generasi masa kini bagi menghargai kepelbagaiannya budaya Nusantara.

## RUJUKAN

- Fatimah Chik *Syimbolic Strata: Batik as Fine Art*. Art Malaysia: Contemporary Art/ Culture/ Travel: Issue 15. (October – November 2011). Kuala Lumpur. hlm. 12-20.
- Azman Ismail. (17 September 2007). *Arkib: Variasi Batik Wawancara Seni Kontemporari*. Utusan Online: Kuala Lumpur. Retrieved 23 Februari 2016, dari [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0917&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa\\_02.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0917&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa_02.htm).
- Aznim Ruhana Md Yusup. (27 Julai 2016). *Batik with Redang Identity*. News Straits Times: Kuala Lumpur.
- David Williams. (2006). “*The Batik Art of Fatimah Chik*”, Redspot Design Centre Kuala Lumpur.
- D’zul Haimi Md Zain. (1984). *Batik dalam Seni Lukis Moden Malaysia*. Dewan Budaya: Kuala Lumpur. hlm. 47-49, hlm.47.
- Fatimah Chik (71 Tahun) pelukis catan batik. *Perkembangan Catan Batik Fatimah Chik dalam Seni Lukis Moden di Malaysia*. Temu bual pada 1 Jun 2017 dan 28 Januari 2018. Di kediamannya di Jalan Tropicana Utara, PJU 3 Sunway Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor.
- Hanipah Hussin. (2011). *Batik Lambang Warisan Teknologi dan Inovasi*. Universiti Teknikal Malaysia Melaka: Melaka. Retrieved 24 November 2015, dari <http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2015&dt=1124&pub=Kosmo&sec=Stail&pg=st01.htm>.
- Keller & Lia. (1967). *Batik: The Art and Craft (Second Edition)*. Charles E. Turtle Company Inc.: Tokyo.
- Khalijah Ahmad. (2013). *Blok Batik SAMASA: Satu Kajian Terhadap Transfomasi Motif Sekitar Tahun 1960-2009*. PhD Disertrasi. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim: Perak.
- Leong Tuck Yee. (2006). *The Batik of Fatimah Chik*. Redspot Design Center: Kuala Lumpur.
- Leong Tuck Yee. (October 2001). Majalah Cosmic- Art Column: *Unfolding the ‘New Age of Spiritual Discover’*. Art Coloum: *Fatimah Chik: Elevating Batik into a Art*. Kuala Lumpur: Persatuan Sokka Gakkai Malaysia.
- Liza Marziana Hj. Mohammad Noh. (2013). *Manifestasi Pandangan Dunia Melayu Dalam Rupa Dan Jiwa Seni Catan Wanita Melayu*. Prosiding Seminar Penyelidikan dan Kepimpinan Melayu. UiTM Shah Alam. hlm. 98-106, 978-967-11172.
- Soon, Simon., Zineng, Wang., Joseph, Rahel., & Farish A. Noor. (2017). *Love Me in My Batik: Modern Batik Art from Malaysia and Beyond*. Galeri Ilham: Kuala Lumpur.
- Sarah Arney. (1987). *Malaysian Batik: Creating New Tradisional*. Kuala Lumpur: Kraftangan Malaysia.
- Seni Halus Fabrik. (Julai 2014). Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia: Kuala Lumpur.
- Susanne F. Fincher. (2000). *Coloring Mandalas: For Insight, Healing and Self-expression*. Shambhala Publication, Inc. Boston: London.
- Syalikha Sazili. (14 Disember 15). *Karya Fabrik Unik Shiboritik*. Berita Harian: Kuala Lumpur. Retrieved 3 Julai 2016, dari <https://www.bharian.com.my/node/104795>.
- Ping Long. (2012). Artikel: *A Spectrum of Batik Artists*. Kuala Lumpur.
- Precision Group Exhibition. (2014). Galeri Seni Universiti Malaya: Kuala Lumpur.